

**TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN
BAGI MAJLIS PERASMIAN KEMUDAHAN PARK 'N RIDE GOMBAK
1MAC 2013 (JUMAAT)**

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar,
Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD),

Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Adam,
Pengerusi Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana),

Yang Berbahagia Puan Ruhaizah Mohamed Rashid,
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian
Pengangkutan,

Yang Berbahagian Dato' Shahril Mokhtar,
Pengarah Urusan Kumpulan, Syarikat Prasarana Negara Berhad,

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Pertama sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Prasarana atas kejayaan menyiapkan projek Park 'n Ride Gombak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang prihatin dan amat memberi perhatian kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Lantaran itu, pada bulan Julai 2009, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan 7 bidang keberhasilan utama atau National Key Results Area (NKRA) bertujuan untuk memastikan kepentingan rakyat dijaga dengan sebaiknya di bawah Program Transformasi Kerajaan. Salah satu daripada 7 Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) yang diberi perhatian adalah meningkatkan mutu pengangkutan awam di Lembah Klang. Dalam pada itu, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan kemudahan untuk pengguna pengangkutan awam diberi perhatian.

Dalam merangsang lebih ramai pengguna untuk menganjak dari pengangkutan sendiri ke pengangkutan awam, NKRA Pengangkutan Awam telah memutuskan untuk mengadakan kemudahan “Park ‘n Ride” di Stesen LRT Gombak. Stesen LRT Gombak telah dipilih kerana kemudahan tempat letak kereta yang sedia ada pada ketika itu hanya boleh menampung 200 buah kereta dan menghadapi kesukaran untuk menampung bilangan pengguna LRT yang kian memberi kepercayaan kepada pengangkutan awam, khususnya di Stesen LRT Gombak. Berdasarkan rekod, purata bilangan pengguna perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya setiap hari pada tahun 2012 adalah seramai 228,083 orang, di mana kira-kira 15,000 orang pengguna menggunakan Stesen LRT Gombak. Bilangan pengguna harian di Stesen LRT Gombak juga menunjukkan trend peningkatan dengan purata kenaikan sebanyak 10% setiap tahun. Stesen LRT Gombak merupakan stesen LRT ke 15 dari keseluruhan 24 stesen LRT Laluan Kelana Jaya yang merekodkan jumlah pengguna tertinggi harian.

Hadirin sekalian,

Kemudahan Park 'n Ride Gombak ini akan memberikan kemudahan secara langsung kepada pengguna perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya, khususnya pengguna di Stesen LRT Gombak. Kemudahan yang setinggi 5 tingkat ini dilengkapi dengan 1,260 petak letak kereta, parking guidance system, lif, kamera keselamatan litar tertutup atau CCTV dan juga laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan kemudahan Park 'n Ride dan Stesen LRT Gombak. Kemudahan Park 'n Ride Gombak ini juga turut dilengkapi dengan 33 petak untuk Wanita dan sebanyak 24 petak letak kereta khas untuk Orang Kelainan Upaya. Sebagai makluman tambahan, selain daripada kemudahan Park 'n Ride Gombak ini, Kementerian Pengangkutan di bawah inisiatif NKRA turut membina 23 kemudahan Park 'n Ride di stesen-stesen LRT, KTM Komuter dan ERL yang secara keseluruhannya akan menambah lebih kurang 10,000 petak letak kereta untuk kemudahan pengguna pengangkutan awam di Lembah Kelang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Perasmian kemudahan Park 'n Ride Gombak pada hari ini merupakan satu lagi bukti komitmen berterusan Kerajaan Barisan Nasional dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan seterusnya merangsang orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam, khususnya perkhidmatan pengangkutan rel. Berdasarkan rekod terkini, pelaksanaan inisiatif-inisiatif NKRA-UPT telah mula membuah hasil di mana sebagai contoh, purata bilangan pengguna pengangkutan rel bagi laluan Kelana Jaya setiap hari pada tahun 2012 yang merekodkan jumlah 228,083 orang pengguna, merupakan peningkatan sebanyak 5% berbanding 217,084 orang pengguna setiap hari pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, bilangan pengguna pengangkutan awam pada waktu puncak 7 pagi hingga 9 pagi setiap hari untuk tahun 2012 telah mencapai lebih kurang 335,000 orang, atau peningkatan sebanyak 4% berbanding 320,000 orang setiap hari pada tahun 2011. Ini menunjukkan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang telah menjadi mod pilihan orang ramai dan adalah menjadi harapan ianya akan menjadi pilihan pengguna pada masa hadapan dengan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini jua, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Prasarana dan juga Majlis Perbandaran Selayang yang sentiasa bekerjasama erat dalam menjayakan pembinaan dan pengoperasian kemudahan Park 'n Ride Gombak ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar, Pengerusi SPAD kerana bersama-sama Kementerian Pengangkutan dalam menjayakan agenda nasional NKRA Pengangkutan Awam ini. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan kemudahan Park 'n Ride Stesen LRT Gombak.

Sekian, terima kasih.